



Nilai Jati Diri berasaskan Ungkapan Indah Lagu Rakyat (Puisi Tradisional) Kadazandusun dalam Pendidikan Bahasa

Personal Value based On The Beautiful Expression Of Folk Songs (Traditional Poems) Kadazandusun in Language Education

Julita Norjieta Taisin*, & Tracy Valerian

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tg. Malim, Perak, Malaysia.

¹*Corresponding author's : norjieta@fbk.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.23.2025>

Abstract

This study was carried out to highlight the value of identity based on Kadazandusun folk songs (traditional poetry) in language education. The purpose of the study is to identify the need for the construction of a self-identity value module based on beautiful expressions in Kadazandusun folk songs in language education in addition to identifying the meaning of synonyms based on self-identity values for language education. The research conducted is descriptive through survey questionnaires and interviews which are quantitative and qualitative in nature. The study sample consisted of 44 secondary school teachers who taught Kadazandusun language subjects. While the qualitative study analyzes some folk songs with the application of Meaning Component Analysis Theory by using library methods and field research. The research data is analyzed based on the meaning found in the folk song which is suitable for language education and identity values. This study is potential in contributing knowledge and is one of the variables in the approach or teaching method of Kadazandusun language teachers including teaching in the classroom, context, process and product. This study is able to compete in providing a new discovery especially from the dimension of the inventory of Kadazandusun ethnic language terms. This is a coincidental step to search for cognate languages from Sabah that correspond to certain concepts in the Malay language. Thus, this study opens a new page to be expanded further in finding many terms especially for indigenous Sabah ethnicities that are identified as having a linguistic system that is shown to empower the Malay language. It can indirectly strengthen national integration in addition to the love of the nation and the country, showing that the supporting community has a strong and robust identity. Beautiful expressions in the traditional poetry of Kadazandusun try to realize the role of this language as the language of the people's unity in building national integration and a language that can reflect the common sense and thinking of the people, as well as a catalyst for the spirit of nationalism that includes the value of identity in line with the national education policy in creating unity national through education especially language. The relevance of identity values based on the beautiful expression of folk songs (poetry) opens a new page in finding many terms especially in the indigenous ethnic language of Sabah which definitely has a linguistic system that is shown to contribute to empowering the Malay language. It can indirectly strengthen national integration in addition to the love of the nation and the country, showing that its supporters have a strong and strong identity.

Keywords: *beautiful expressions, education, folk songs, identity, Kadazandusun*

Abstrak

Kajian ini dilaksanakan bagi mengetengahkan nilai jati diri berasaskan lagu rakyat (puisi tradisional) Kadazandusun dalam pendidikan bahasa. Tujuan kajian ialah mengenal pasti keperluan pembinaan modul nilai jati diri berasaskan ungkapan indah dalam lagu rakyat Kadazandusun dalam pendidikan bahasa di samping mengenal pasti makna dari aspek sinonim berasaskan nilai jati diri untuk pendidikan bahasa. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif melalui tinjauan soal selidik dan temu bual iaitu bersifat kuantitatif dan



kualitatif . Sampel kajian terdiri daripada 44 orang guru sekolah menengah yang mengajar subjek bahasa Kadazandusun. Manakala kajian kualitatif menganalisis beberapa lagu rakyat dengan pengaplikasian Teori Analisis Komponen Makna dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan. Data kajian dianalisis berdasarkan makna yang terdapat dalam lagu rakyat tersebut yang sesuai untuk pendidikan bahasa dan nilai jati diri. Kajian ini berpotensi dalam menyumbang pengetahuan dan merupakan salah satu pemboleh ubah pada pendekatan atau kaedah pengajaran guru bahasa Kadazandusun merangkumi pengajaran di bilik darjah, konteks, proses dan produk. Kajian ini berupaya bersaing dalam memberi satu penemuan baru khasnya dari dimensi inventori istilah bahasa etnik Kadazandusun. Ini merupakan satu langkah yang bertepatan untuk menggeledah bahasa serumpun dari Sabah yang menepati konsep tertentu dalam bahasa Melayu. Justeru kajian ini membuka satu lembaran baru agar diperluaskan lagi dalam mencari banyak istilah khasnya etnik peribumi Sabah yang dikenal pasti memiliki sistem linguistik yang diperlihatkan untuk memperkasakan bahasa Melayu. Ia secara tidak langsung dapat memantapkan lagi integrasi nasional di samping kecintaan bangsa dan negara menunjukkan masyarakat pendukungnya mempunyai jati diri yang kukuh dan teguh. Ungkapan indah dalam puisi tradisional Kadazandusun cuba merealisasikan peranan bahasa ini sebagai bahasa perpaduan rakyat dalam membina integrasi nasional dan bahasa yang mampu mencerminkan akal budi serta pemikiran rakyat, selain pemangkin semangat nasionalisme yang terangkum didalamnya nilai jati diri selaras dengan dasar pendidikan kebangsaan dalam mewujudkan perpaduan nasional melalui pendidikan khasnya bahasa. Perkaitan nilai jati diri berasaskan ungkapan indah lagu rakyat (puisi tradisional) membuka satu lembaran baru dalam mencari banyak istilah khasnya bahasa etnik peribumi Sabah yang dikenal pasti memiliki sistem linguistik yang diperlihatkan menyumbang untuk memperkasakan bahasa Melayu. Ia secara tidak langsung dapat memantapkan lagi integrasi nasional di samping kecintaan bangsa dan negara menunjukkan masyarakat pendukungnya mempunyai jati diri yang kukuh dan teguh.

Kata Kunci: jati diri, Kadazandusun, lagu rakyat, pendidikan, ungkapan indah

Pengenalan

Lagu-lagu rakyat tidak seharusnya dilihat dalam konteks yang sempit tetapi seharusnya dikembangkan penggunaannya dan diperkayakan maksud yang tersirat dan keindahan bahasa kiasannya yang tinggi, agar dunia dapat mengetahui bahawa lagu-lagu rakyat ini mampu menyatu padukan suatu rumpun yang besar di Alam Melayu. Melihat kepada senario sistem pendidikan pada masa kini khasnya dalam pengajaran bahasa selain mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa kebangsaan yang diajar di sekolah-sekolah, bahasa etnik seperti bahasa Kadazandusun juga telah ditawarkan di sekolah-sekolah kerajaan di negeri Sabah. Demikian juga bahasa etnik Iban ditawarkan di sekolah-sekolah yang terdapat di Sarawak, dan bahasa Semai pula ditawarkan di negeri Perak dan Pahang (Unit Bahasa Etnik, Pusat Perkembangan Kurikulum, 2007). Walau bagaimana pun salah satu cabaran utama adalah kekurangan bahan rujukan dan bahan bacaan dalam bahasa etnik termasuklah bahasa Kadazandusun. Ini menyebabkan sukar bagi golongan muda dan pelajar untuk mencari sumber pembelajaran yang lengkap dan mudah diakses.

Metodologi

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif melalui tinjauan soal selidik dan temu bual iaitu bersifat kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 44 orang guru sekolah menengah yang mengajar subjek bahasa Kadazandusun. Data diperoleh daripada tinjauan soal selidik dengan memilih guru sebagai responden kajian bagi menentukan keperluan membangunkan model indah bahasa etnik Kadazandusun untuk pendidikan bahasa dan nilai jati diri kepada murid sekolah rendah tahap dua di samping mengenal pasti makna dari aspek sinonim berasaskan nilai jati diri untuk pendidikan bahasa. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif melalui tinjauan soal selidik dan temu bual iaitu



bersifat kuantitatif dan kualitatif. Sampel kajian terdiri daripada 44 orang guru sekolah menengah yang mengajar subjek bahasa Kadazandusun. Manakala kajian kualitatif mengumpul beberapa lagu rakyat dengan pengaplikasian Teori Analisis Komponen Makna bagi menerangkan sesuatu fenomena dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan. Bahan yang terkumpul dianalisis berdasarkan makna yang terdapat dalam lagu rakyat tersebut yang sesuai untuk pendidikan bahasa dan nilai jati diri.

Satu set soal selidik telah diedarkan kepada 44 guru Bahasa Kadazandusun di daerah Ranau dan daerah Kota Marudu, Sabah untuk meneroka keperluan pembangunan model tersebut. Set soal selidik kepada guru menggunakan lima skala likert bermula dari satu (sangat tidak setuju) hingga lima (sangat setuju). Analisis diskriptif kuantitatif digunakan untuk menganalisis data dengan menggunakan perisian IBM SPSS versi 26. Menurut Pallant (2020), penganalisan data berstatistik menggunakan perisian ini dapat menghasilkan pengiraan yang betul.

Dapatan

Keperluan Pembinaan modul nilai jati diri berasaskan ungkapan indah lagu rakyat Kadazandusun dalam pendidikan bahasa

Bahagian A: Latar Belakang Responden

Bahagian ini merangkumi latar belakang responden yang terdiri daripada empat item.

Jadual 1

Latar Belakang Responden

	Latar Belakang Responden		Frekuensi (N)	Peratusan (%)
1.	Jantina	Perempuan	26	59.1
		Lelaki	18	40.9
		Sijil	6	13.6
		Perguruan		
2.	Kelulusan Ikhtisas Perguruan	KDPM	0	0
		KPLI	2	4.5
		ISMP	36	81.8
		1-5 tahun	38	86.4
3.	Pengalaman Mengajar	6-10 tahun	6	13.6
		11-15 tahun	0	0
	Pernah Menghadiri Kursus Subjek Bahasa	Pernah	33	75
4.	Kadazandusun	Tidak Pernah	11	25

Berdasarkan jadual 1, majoriti responden adalah guru perempuan (59.1%) manakala guru lelaki sebanyak 40.9%. Guru tersebut merupakan guru yang mengajar subjek Bahasa Kadazandusun di daerah Ranau dan daerah Kota Marudu, Sabah. Kebanyakan responden berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (81.8%) diikuti dengan sijil perguruan (13.6%), KPLI (4.5%). Selain itu, majoriti responden mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 5 tahun (86.4%) diikuti dengan pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun (13.6%). Walau bagaimanapun, majoriti responden pernah menghadiri kursus subjek Bahasa Kadazandusun (75%) dan hanya 25% responden yang tidak pernah menghadiri kursus subjek Bahasa Kadazandusun.



Jadual 2

Kesukaran Murid dalam Pembelajaran Lagu Rakyat

Item	N	Min	sp
Murid tidak mengetahui lagu rakyat (<i>sudawil</i>) dalam Kadazandusun.	44	3.80	1.05
Murid tidak pasti cara lagu rakyat (<i>sudawil</i>) dilagukan.	44	4.14	0.77
Murid tidak tahu <i>misudawil</i> . (Berpantun dalam bahasa Kadazandusun).	44	3.98	0.95
Murid tidak memahami elemen keindahan bahasa yang ada dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.32	0.71
Murid kurang faham struktur lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.27	0.73
Murid tidak memahami makna yang tersurat dan tersirat dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.32	0.67
Murid tidak tahu nilai-nilai yang ada dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.07	1.02
Murid mempunyai masalah mengingat semula struktur lagu rakyat (<i>sudawil</i>) yang telah dipelajari.	44	3.75	1.00
Murid lambat mengingat semula struktur (<i>sudawil</i>) yang telah dipelajari.	44	3.70	0.95
Murid tidak tahu jenis-jenis lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.25	0.65

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan tahap kesukaran murid dalam pembelajaran lagu rakyat adalah pada tahap tinggi. Responden menyedari bahawa murid tidak memahami elemen keindahan bahasa yang ada dalam lagu rakyat ($M=4.32$) dan tidak memahami makna yang tersurat dan tersirat dalam lagu rakyat ($M=4.32$). Selain itu, responden juga menyedari bahawa murid tidak tahu jenis-jenis lagu rakyat ($M=4.25$), kurang memahami struktur lagu rakyat (*sudawil*) ($M=4.27$) dan tidak pasti cara lagu rakyat Kadazandusun terutama dilagukan ($M=4.14$). Responden turut menyatakan bahawa murid tidak tahu nilai-nilai yang ada dalam lagu rakyat (*sudawil*) ($M=4.07$), murid tidak tahu *misudawil* (berpantun) ($M=3.98$) dan tidak mengetahui lagu rakyat (*sudawil*) dalam Kadazandusun ($M=3.80$). Tambahan pula, murid menghadapi masalah untuk mengingat semula struktur lagu rakyat (*sudawil*) yang telah dipelajari ($M=3.75$).

Jadual 3

Ciri-ciri modul yang guru hasratkan untuk pengajaran dan pembelajaran lagu rakyat murid tahap dua sekolah rendah

Item	N	Min	sp
Objektif pembelajaran yang dinyatakan dengan jelas membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.34	0.61
Penggunaan teknologi membantu penguasaan murid dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.48	0.55
Penggunaan animasi membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.48	0.60
Penggunaan audio membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.55	0.55
Penggunaan warna yang bersesuaian membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.43	0.66
Pembelajaran secara penerokaan membantu penguasaan murid dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.40	0.62



Keupayaan interaksi modul membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.41	0.54
Maklum balas daripada latih tubi membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.41	0.54
Penilaian sendiri di dalam modul membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.36	0.61
Ujian dalam modul membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (<i>sudawil</i>).	44	4.32	0.64
Panduan penggunaan modul yang diberikan adalah mesra pengguna.	44	4.25	0.62
Rancangan pengajaran Harian (RPH) bersesuaian dengan modul yang disediakan.	44	4.30	0.67
Cadangan aktiviti dalam modul tersebut mencukupi.	44	4.14	0.88

Dapatan menunjukkan pandangan responden mengenai ciri-ciri modul yang guru hasratkan untuk pengajaran dan pembelajaran lagu rakyat murid tahap dua sekolah rendah. Kesemua item mempunyai nilai min yang tinggi iaitu antara (M=4.14) hingga (M=4.55). Majoriti responden bersetuju bahawa penggunaan audio membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (*sudawil*) (M=4.55), dan begitu juga dengan penggunaan teknologi serta animasi berpotensi membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (*sudawil*) dengan nilai min kedua-duanya (M=4.48). Seterusnya, responden berpendapat penggunaan warna yang bersesuaian (M=4.43), keupayaan interaksi modul dan maklum balas daripada latih tubi juga boleh membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (*sudawil*) dengan nilai min kedua-dua item tersebut (M=4.41). Selain itu, ciri-ciri modul yang responden hasratkan untuk pengajaran dan pembelajaran lagu rakyat murid tahap dua sekolah rendah ialah pembelajaran secara penerokaan (M=4.40) dan penilaian sendiri di dalam modul yang berpotensi membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (*sudawil*) (M=4.36). Tambahan lagi, objektif pembelajaran yang dinyatakan harus jelas dan menyediakan RPH yang bersesuaian dengan nilai min masing-masing (M=4.34) dan (M=4.30). Responden juga berpendapat agar ujian dalam modul dilakukan agar dapat membantu penguasaan pengetahuan murid dalam lagu rakyat (*sudawil*) (M=4.32) serta mencadangkan agar panduan penggunaan modul yang diberikan adalah mesra pengguna (M=4.25) dan adanya cadangan aktiviti dalam modul tersebut (M=4.14). Secara menyeluruh, responden menegaskan bahawa pembangunan modul indah bahasa etnik Kadazandusun dalam lagu rakyat untuk pendidikan bahasa dan nilai jati diri adalah perlu agar dapat merungkai nilai-nilai serta pengajaran yang ada dalam lagu rakyat (*sudawil*) dan agar tidak hilang ditelan zaman kerana lagu rakyat (*sudawil*) juga merupakan identiti etnik Kadazandusun.

Berdasarkan dapatan analisis keperluan yang telah dilaksanakan menunjukkan pembangunan modul indah bahasa etnik Kadazandusun berpotensi membantu murid sekolah rendah tahap dua untuk mempelajari lagu rakyat etnik Kadazandusun. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan 100% responden dalam kalangan guru sangat bersetuju modul indah bahasa etnik Kadazandusun dibina sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran lagu rakyat (*sudawil*). Jelas bahawa pembelajaran lagu rakyat Kadazandusun dalam kalangan murid sangat penting kerana dalam lagu rakyat terselitnya kata-kata indah, pengajaran, nilai murni dan semangat jati diri yang perlu diketahui oleh murid sekolah rendah. Menurut Aripin Said (2004: 2), lagu-lagu rakyat ini mampu membentuk budi pekerti masyarakat dan menyelitkan unsur-unsur pendidikan dalam diri masyarakat.



Pengaplikasian Teori Analisis Komponen Makna aspek sinonim berasaskan nilai jati diri

a. Aspek sinonim

Penganalisan dari aspek sinonim iaitu makna leksikal berkait rapat dengan andaian teori analisis komponen makna yang menyatakan bahawa :

- i. Struktur leksikal pada bahasa semula jadi dianalisis dari sudut semantik (elemen makna yang dapat dianggap universal).
- ii. Perkataan tidak mempunyai makna tunggal tetapi lebih bersifat komponen makna
- iii. Makna perkataan dilihat dalam hubungannya dengan perkataan lai

Data kajian 1

Roun tawawo mapoi-kapoi
Poinsuni hilo kudoma'an
Batos ku kada no olingai
Pitumo'o kito no pikagasan.

Terjemahan bebas (Bahasa Melayu)

Daun tawawo melambai-lambai
Tumbuhnya ditebasan
Janjiku janganlah dilupa
Kita temukanlah ikatan

Data kajian 2

Lopi-lopi po bundusan
Lopi do poginipian
Osonong no po nipi
Yato ii **miundusan**.

Terjemahan bebas (Bahasa Melayu)

Lipat-lipat bundusan
Lipat dalam mimpi
Kalau mimpilah baik
Kita tetap sepadan (dijodohkan).

Sumber: Juliana Kulinog (68 tahun), 22 Ogos 2021)

Merujuk kepada data lagu rakyat tersebut , wujudnya sinonim atau padanan makna bagi leksikal-leksikal tertentu dapat memberi kejelasan atau kefahaman makna kepada generasi muda mahupun masyarakat Kadazandusun. Sebagai contoh:

		sinonim (padanan makna)
<i>Batos</i>	=	dandi (janji)
<i>Miundusan</i>	=	piontokon (dijodohkan/sepadan)

Keadaan ini dapat memperkembangkan lagi penggunaan perbendaharaan kata dalam pendidikan bahasa Kadazandusun kerana leksikal *batos* dan *miundusan* juga mempunyai sinonim yang sama dengan makna sebenar . Justeru Perbendaharaan kata atau kosa kata daripada segi individu ialah set perkataan yang diketahuinya dalam sesebuah bahasa. Sementara itu, dalam konteks negara berbilang kaum , leksikal janji mendukung janji diri untuk lebih matang dan beridentitikan Malaysia khasnya golongan belia yang menjadi tuntutan dalam diri individu masing-masing dengan semangat patriotisme terhadap negara. Justeru penggunaan leksikal *batos* /*dandi* (janji) yang terdapat dalam lagu rakyat data kajian 1, secara tidak langsung semangat patriotisme seharusnya menjadi pendorong setiap rakyat yang cintakan negaranya, untuk bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh bagi membangun dan memajukan negaranya. Janji diri golongan belia yang dimaksudkan adalah belia yang memiliki pemahaman yang jelas tentang jati diri terhadap kesedaran budaya, agama dan sahsiah kenegaraan. Berdasarkan data kajian tersebut , jelas bahawa penggunaan perkataan dapat memperkayakan sumber istilah dan seterusnya dapat mengekalkan nilai jati diri dalam memperkasakan budaya warisan masyarakat pendukungnya. Misalnya leksikal *dandi*/ janji harus ditunaikan sama ada untuk kehormatan negara atau sesama sendiri.



Perbincangan Dan Kesimpulan

Secara umumnya, kajian analisis keperluan ini berjaya mengenal pasti masalah murid dalam pembelajaran lagu rakyat. Soal selidik mendapati majoriti guru mempunyai pandangan yang sama tentang masalah yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran lagu rakyat. Antara masalah yang dihadapi oleh murid ialah murid tidak memahami elemen keindahan bahasa yang ada dalam lagu rakyat, tidak memahami makna yang tersurat dan tersirat dalam lagu rakyat serta kurang memahami struktur lagu rakyat. Oleh itu, pembinaan modul indah bahasa etnik Kadazandusun dalam lagu rakyat untuk pendidikan bahasa dan nilai jati diri diharapkan dapat membantu mengurangkan masalah murid dalam pembelajaran lagu rakyat Kadazandusun. Di samping itu aspek sinonim dalam lagu rakyat untuk pendidikan bahasa dan nilai jati diri merupakan salah satu pemboleh ubah pada pendekatan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran guru merangkumi pengajaran di bilik darjah. Penggunaan kosa kata yang telah ditelusi melalui lagu rakyat tersebut dalam usaha memantapkan sumber istilah berupaya melahirkan individu berprestasi antarabangsa dengan nilai jati diri yang harus menjadi pegangan. Konsep negara bangsa yang dibentuk mencerminkan rakyat berbilang kaum dan agama berkongsi nilai jati diri, lambang, kebudayaan, serta semangat yang menjadi ciri dan hasrat negara bangsa. Pasti nilai seni estetika keindahan bahasa dan nilai jati diri dalam lagu rakyat memainkan peranan dalam pembentukan peradaban insan. Justeru, kurikulum bahasa Kadazandusun cuba merealisasikan peranan bahasa ini sebagai bahasa perpaduan rakyat untuk membina integrasi nasional dan rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi serta pemikiran rakyat, selain pemangkin semangat nasionalisme yang terangkum di dalamnya nilai jati diri.

Penyataan Etika

Telah menyertai bengkel bengkel etika penyelidikan manusia secara dalam talian siri 2 pada 18 Mei 2022. Di samping itu persetujuan telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang terlibat.

Penyataan Kredit Penulis

Julita Norjietta Taisin: Analisis data, penulis dan pengkaji; Tracy Valerian: mengedar soal selidik.

Penghargaan

Penyelidikan ini ialah hasil daripada Geran Penyelidikan Fundamental(FRGS) Fasa 1/2001 Kod Projek: FRGS/1/2021/SS10/UPSI/02/64. Penyelidik merakamkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim Perak, atas peluang dan kesempatan yang telah diberikan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.



Rujukan

- Abdul Jamal Abdul Hamid. (2006). Lagu-Lagu Rakyat Sabah: Masyarakat Suku Kaum Brunei di Weston Sabah. Dalam Rogayah
- Chi-Huang.(2015). Dimension of Taiwanese/Chinese identity and national identity in Taiwan: a latent class analysis. *Journal of Asian and African Studies*, 40, 51-70.
- Desai, C. M. (2016). National identity in a multicultural society: Malaysian children's literature in English. *Children Literature in Education*, 37(2), 163-184.
- Janathan Kandok.(2012). *Sundait Kadazandusun: Dokumentasi dan Analisis*. Tesis PhD. Universiti Malaysia Sabah
- Katz, J. J. (1972) Dalam Julita Norjietta (2015) *Semantic Theory*. New York : Harper & Row.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia .(2011). Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mendelsohn, M. (2002). Measuring national identity and patterns of attachment: Quebec and nationalist Mobilization. *Nationalism and Ethnic Politics*, 8(3), 72-94.
- Norjietta Taisin. 2014. *Sudawil : Analisis Dari Aspek Makna* : Tesis PhD. Universiti Malaysia Sabah.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS*. Routledge.
- Unit Bahasa Etnik, Pusat Perkembangan Kurikulum. (2007) Laporan mesyuarat pegawai bahasa pejabat pelajaran daerah/gabungan/daerah kecil: Status pelaksanaan matapelajaran Bahasa Etnik di sekolah (Iban, Kadazandusun dan Semai). Holiday Inn Kuching, 6-9 Mei 2007. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Wan Muhamad, S. A. A.(2010). Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), Jati DiriKebangsaan Manhaj Islam Hadhari (hlm.